

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)33

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

33. Apakah perancangan dan program Kerajaan Negeri untuk menyantuni golongan anak muda lebih-lebih lagi mereka ini sudah pun didaftarkan sebagai pengundi iaitu Undi 18?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

33. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah merancang siri-siri program yang menyeluruh dan mengambil langkah untuk mendekati pengundi baharu seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk menjalankan siri program kesedaran Undi18 yang merangkumi ceramah, bengkel, kuiz, soal selidik dan sebagainya di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Pulau Pinang terutamanya 13 IPT yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PYDC.

- (ii) Program kesedaran diadakan secara bulanan di pusat belia yang telah ditubuhkan oleh PYDC.
- (iii) Siri kuiz atas talian yang terbuka kepada semua pengundi baru.
- (iv) Mengadakan *roadshow* di pusat membeli-belah.
- (v) Bekerjasama dengan ADUN kawasan dan pertubuhan belia untuk menganjurkan program kesedaran Undi18 bagi pengundi baru.

Selain itu, PYDC juga menganjurkan program-program yang melibatkan golongan belia termasuk Sidang Muda dan Program Calon18: *Penang Edition*.